

**Akibatnya, para fakih Sunni mendasarkan perkara ini untuk membenarkan bersolat dibelakang seorang yang melakukan dosa secara terbuka!**

- ❑ 'Ali al-Qari al-Harawi al-Hanafi, *Sharh Fiqh al-Akbar*, di bawah tajuk *halal bersolat dibelakang orang yang beriman dan fasik*, ms 90
- ❑ Ibn Taymiyyah, *Majmu' Falawa*, (Riyadh, 1381), vol. 3, ms 281

### **Lupakanlah Perkara Yang Sudah Berlalu**

Jika kita telah membongkar kesalahan para sahabat, seperti al Walid, ia bukanlah atas keinginan untuk menghina. Ia adlah kerana, Muslim sepatutnya berhati-hati dengan siapa mereka memperoleh maklumat tentang rukun Islam dan Sunnah Nabi. Ini hanya boleh dilakukan dengan memerhatikan kisah para sahabat, dan menjadikan amal mereka sebagai asas untuk melihat keperibadian dan kejujuran mereka. Bukankah Rasul telah member amaran kepada kita:

- ❑ "Diriwayatkan dari Abdullah: "Aku adalah pendahulu mu di telaga kausar, dan sesetengah dari kamu akan dibawa kehadapanku hingga aku dapat melihat mereka, dan mereka akan di bawa pergi dari ku dan aku akan berkata: "Ya Tuhan mereka adalah sahabatku!" Kemudian akan di balas: "Kamu tidak mengetahui apa yang mereka telah lakukan selepas pemergianmu.""  
[*Sahih al-Bukhari* (English terjemahan), jilid 8, kitab 76, nombor 585]

### **Pandangan Syiah Tentang Para Sahabat**

Syiah sangat menyayangi para sahabat yang ikhlas seperti yang telah dinyatakan di dalam Quran. Rasa sayang dan sanjungan kami, bagaimanapun, tidak meliputi individu seperti Al Walid bin Uqbah, yang mana walaupun cukup syarat kriteria sebagai seorang sahabat Nabi di sisi Sunni, tidak dapat dijadikan contoh dan perawi hadis yang dipercayai. Oleh itu, Syiah tidak dipercayai secara keseluruhannya sahabat itu adil, tetapi keperibadian mereka harus diteliti di pelbagai peringkat. Sudah tentu ada ramai para sahabat yang adil sepanjang hayat mereka, antaranya Ammar, Miqdad, Abu Dharr, Salman, Jabir dan Ibnu Abbas. Kami akhiri dengan petikan doa Imam keempat kami, Zainal Abidin, yang memuji para sahabat mulia ini (radiallahu anhum)

*Wahai Tuhan, kepada para sahabat Muhammad, yang melakukan yang terbaik di dalam persahabatannya, yang menerima ujian dalam membantu baginda, yang menerima seruan dan hujah baginda, yang sanggup berpisah dengan isteri dan anak mereka, yang memerangi bapa dan anak mereka demi menguatkan syiar baginda, dan melalui dirinya, kejayaan tercapai..kepada mereka yang menyelimutkan diri mereka dengan rasa sayang pada baginda, mereka yang ditinggalkan oleh puak mereka ketika tanah miliknya dirampas(oleh puak mereka kerana menerima Islam), dan kepada mereka yang diputuskan hubungan kekeluargaan dengan keluarga mereka sendiri(akibat menerima Islam), Ya Tuhanku, janganlah dilupai mereka, demi apa yang mereka tinggalkan untuk Mu, redhailah mereka dengan keredhaan Mu demi sekalian makhluk yang mereka pandu kearah mu, sewaktu mereka bersama Rasul Mu, penyeru kea rah Mu, untuk Mu.*  
[Imam Zayn al-'Abidin , *Sahifa al-Kamilah*, (English terjemahan, London, 1988), ms 27]

**To find out more about authentic Islam, visit:**  
<http://al-islam.org/faq/>

v1.1

*“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini – dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) – sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.”*  
(Qur'an: Surah 49, Ayat 6)

# **Adakah Semua Para Sahabat Itu Adil?**

Syiah amat menyanjungi semua para sahabat Rasulullah(sawa) yang setia kepada ajaran baginda semasa hidup dan selepas kematian baginda. Mengikut pandangan Sunni, walaupun seseorang itu hanya memandang Nabi untuk seketika akan digelar sebagai seorang sahabat, dan menjadikannya kebal dari sebarang kritikan. Idea ini bagaimanapun tidak dapat disokong oleh Al Quran dan fakta sejarah, dan telah membawa kepada perbezaan besar diantara 2 mazhab ini.

## Definisi Seorang Sahabat

Ibnu Hajar al Asqalani, seorang Ulama Sunni terkenal, mendefinisikan seorang sahabat sebagai seseorang yang bertemu Nabi(sawa) setelah menerima Islam dan mati dalam keadaan Islam. Beliau juga memasukkan dalam definisi ini seperti berikut:

- ❑ Semua orang yang bertemu dengan Nabi tanpa mengira samada lama atau sebentar.
- ❑ Semua orang yang meriwayatkan hadis dari Nabi dan yang tidak
- ❑ Semua orang yang berperang bersama Nabi dan yang tidak
- ❑ Semua orang yang hanya melihat Nabi walaupun tidak ikut serta dalam majlis baginda.
- ❑ Semua orang yang tidak dapat melihat beliau kerana buta.

[Ibn Hajar al-'Asqalani, *al-'Isabah fi Tamyiz al-Sahaba*, (Beirut), vol. 1, ms 10]

## Adakah Semua Para Sahabat Itu Adil?

AhlulSunnah secara keseluruhannya bersetuju bahawa semua para sahabat adalah adil dan boleh dipercayai, serta merupakan contoh Ummah yang terbaik. Ramai ulama Sunni menyokong kenyataan ini antaranya:

- ❑ Ibn Hajar al-'Asqalani, *al-'Isabah fi Tamyiz al-Sahaba*, (Cairo), vol. 1, ms 17-22
- ❑ Ibn Abi Hatim al-Razi, *al-Jarh wa al-Ta'dil*, (Hyderabad), vol. 1, ms. 7-9
- ❑ Ibn al-'Athir, *Usd al-Ghhaba fi Ma'rifat al-Sahaba*, vol.1, ms 2-3

Konsep ini agak sukar diterima apabila banyak bukti yang menyatakan sebaliknya. Sila perhatikan contoh berikut:

- ❑ Az Zubair menceritakan kepada ku bahawa beliau bergaduh dengan seorang Ansar yang menyertai Perang Badar di hadapan Rasulullah(sawa) berkenaan hal laluan air yang kedua mereka gunakan.. Rasulullah(sawa) bersabda kepada Az Zubair, “Wahai Zubair, airi kebun kamu dahulu, dan kemudian biarkan airnya mengalir ke jiran kamu.” Orang Ansar itu menjadi marah lalu berkata kepada Rasulullah, “**Ya Rasulullah, adakah ini kerana dia ialah saudara kamu?!**” Kemudian riak muka Rasul berubah kerana marah, lalu bersabda kepada Zubair, “Airkan kebun kamu dan tahan alirannya apabila sampai kepada tembok yang mengelilingi kebun itu.” Rasulullah telah memberikan Zubair hak sepenuhnya. Sebelumnya Rasulullah telah memberikan satu keputusan yang adil untuk Zubair dan jirannya, tetapi oleh kerana kaum Ansar itu menyakiti Rasulullah, maka baginda menarik semula keputusan itu atas bukti yang nyata. Az Zubair berkata, “Demi Allah, ayat ini diturunkan tentang kes tersebut: “Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammad)! Mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka sesuatu keberatan dari apa yang telah engkau hukumkan, dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya.” [Sahih al-Bukhari (Terjemahan Inggeris) Jilid 3, Kitab 49, nombor 871]

Mengikut doktrin Sunni, para sahabat ialah model contoh yang tidak dapat ditandingi dalam mengikut Sunnah. Kenyataan ini tetap dipertahankan walau hakikatnya ada diantara mereka yang tidak menerima penghakiman Rasul, malah menggores hati baginda, sehingga turun ayat Quran tentangnya. Malangnya, sejarah banyak

menceritakan kisah manusia yang bergelar sahabat, tetapi berperangai tidak Islamik, samada di zaman hidup baginda atau selepasnya.

## Al-Walid bin 'Uqbah

*Maka adakah orang yang beriman sama seperti orang yang fasik? Mereka tidaklah sama* (Qur'an: Surah al-Sajdah 32, ayat 18)

Para penafsir Quran Sunni menceritakan satu insiden di mana ”orang beriman” itu ditujukan kepada Imam Ali, manakala “orang fasiq” itu ditujukan kepada seorang sahabat Nabi bernama **Al Walid Bin Uqbah**

- ❑ al-Qurtubi, *Tafsir*, (Cairo, 1947), vol. 14, ms. 105
- ❑ al-Tabari, *Tafsir Jami' al-Bayan*, di bawah tafsir ayat ini
- ❑ Al-Wahidi, *Asbab al-Nuzul*, (Edisi Dar al-Diyan li-Turath), ms 291

Kita mengetahui bahawa Quran telah melarang kita dari mempercayai berita yang dicertakan oleh orang fasik:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.”* (Surah al-Hujurat 49, Ayat 6)

Amat menarik sekali di dalam tafsir surah yang sama ada menceritakan bahawa al Utbah telah menipu sehingga diisytiharkan fasik.

- ❑ Ibn Kathir, *Tafsir Qur'an al-'Azim*, (Beirut, 1987), vol. 4, ms 224
- ❑ al-Qurtubi, *Tafsir*, (Cairo, 1947), vol. 16, ms 311
- ❑ al-Suyuti and al-Mahalli, *Tafsir al-Jalalayn*, (Cairo, 1924), vol. 1, ms. 185
- ❑ Abu Ameenah Bilal Philips, *Tafseer Soorah al-Hujuraat*, (Riyadh), ms. 62-63

Abu Ameenah Bilal Philips berkata: “perlu berhati-hati apabila menerima maklumat dari orang yang diragui keperibadiannya, yang mana kesetiannya belum terbukti.”

**Bagaimanapun kita mendapati begitu banyak sekali hadis yang diriwayatkan oleh al Walid.** Contohnya:

- ❑ Abu Dawud, *Sunan*, (1973), Kitab al-Tarajjul, *bab fi'l-khuluq li'r-rijal*, vol. 4, ms. 404, hadith nombor 4181
- ❑ Ahmad bin Hanbal, *al-Musnad, awwal musnad al-madaniyyin ajma'in*, hadith 15784

Kelicikan Al Walid tidak berakhir di zaman Nabi. Beliau dilantik sebagai gabenor Kufah di zaman Uthman. **Di satu ketika, beliau mengimamkan solat dalam keadaan mabuk sehingga terlajak rakaatnya.** Insiden ini dilaporkan dari banyak sumber. Beliau kemudiannya menerima hukuman atas perintah Uthman.

- ❑ *Sahih al-Bukhari* (English terjemahan), jilid 5, kitab 57, nombor 45; jilid 5, kitab 58, nombor 212
- ❑ Al-Tabari, *Ta'rikh*, (English terjemahan: *History of al-Tabari, The Crisis of the Early Caliphate*), jilid XV, ms120

